

Headline	SSTMI lebur ego skuad MBPJ		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	192,982
Page No	45	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	483 cm ²
Journalist	Jumiati Rosly	AdValue	MYR 16,352
Frequency	Daily	PR Value	MYR 49,057



SSTMI lebur ego skuad MBPJ

» **MBPJ masih dahului kedudukan MJHL**

Oleh Jumiati Rosly
jumiati@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Selepas mencatat kemenangan dalam enam perlawanan secara berterusan, rekod Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) itu lebur apabila menerima kekalahan sulung tewas 4-0 kepada juara bertahan, Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (SSTMI).

Biarpun masih mendahului kedudukan Liga Hoki Remaja Malaysia (MJHL) dengan perbezaan tiga mata di depan SSTMI, keputusan pasukan yang akan dimahkotakan juara liga hanya ditentukan apabila SSTMI bertemu UniKL Young Guns, Khamis ini.

Harap lawan seri

MBPJ menamatkan ketujuh-tujuh perlawanan liga dengan 18 mata namun hanya 11 gol dijaringkan, manakala SSTMI dan UniKL yang kurang satu perlawanan masing-masing berada di kedudukan kedua dan ketiga dengan 15 mata.

Pengurus MBPJ, Zainal Abidin kecewa dengan kekalahan itu tetapi mengharapkan keputusan seri antara UniKL dan SSTMI nanti.

"Nasib kami hanya ditentukan Khamis ini dengan kami mengharapkan keputusan seri dengan harapan untuk merayakan kejuaraan MJHL," katanya.

Dalam perlawanan semalam, Shahril Saabah menjaringkan gol pertama SSTMI seawal minit keempat menerusi pukulan sudut penalti diikuti Mohamed Zulhamizan (m-30), Huzairy Zin (m-43) dan Azwar Rahman (m-53).



Pemain Thunderbolts merayakan kejayaan membelasah MBPJ di Bukit Jalil, semalam.

[FOTO HASRIYASAH SABUDIN/BH]

	KEDUDUKAN						
	P	M	S	K	J	B	Mt
MBPJ	7	6	0	1	11	9	18
SSTMI	6	5	0	1	29	3	15
UniKL	6	5	0	1	28	6	15
MBI	6	2	2	2	10	16	8
MHS	6	1	2	3	9	21	5
SSBJ	7	1	1	5	9	17	4
SSTMI Jr	5	1	1	3	6	16	4
USM-MSSPP	5	0	0	5	6	20	0